

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD FAKEH
TARIKH : 24.5.2016
SOALAN : NO. 133

Dato' Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan sejauh manakah pelaksanaan konsep baharu pengajaran dan pembelajaran (P&P) untuk kanak-kanak di taman asuhan (TASKA) yang berasaskan pembelajaran atas talian telah dilaksanakan dan nyatakan konsep serta hasil dan manfaat pendidikan-pendidikan berkenaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan konsep baharu pengajaran dan pembelajaran (P&P) berasaskan pembelajaran atas talian untuk kanak-kanak di taman asuhan yang dilaksanakan di TASKA PUSPANITA, Kementerian Pendidikan Tinggi masih dalam proses kajian rintis.

Hasil awal kajian mendapati kanak-kanak dan pendidik menunjukkan minat dan bersemangat untuk menggunakan aplikasi yang disediakan dalam P&P. Melalui penggunaan *e-book*, pembelajaran kanak-kanak lebih menarik kerana ada unsur-unsur animasi dan juga elemen interaktif yang dapat menarik perhatian kanak-kanak jika dibandingkan dengan penggunaan buku biasa.

Kemahiran berkomunikasi dapat ditonjolkan melalui interaksi kanak-kanak sesama mereka semasa membaca buku tersebut bersama-sama. Refleksi yang dilakukan oleh guru selepas pembacaan buku juga dapat meningkatkan pemahaman dan kemahiran berfikir kanak-kanak terhadap pembacaan mereka.

Konsep P&P berasaskan permainan (*game-based*) juga digunakan bagi membangunkan modul kemahiran berfikir termasuk jujukan, hubungan, analogi,

deduksi, inferens, analisis secara kritis dan pengekodan corak. P&P *game-based* juga digunakan untuk membangunkan modul-modul berasaskan hasil pembelajaran yang digariskan dalam kurikulum PERMATA.